

# SMK Bukit Bandaraya raikan graduan muda

Archival News | Utusan Malaysia | 05/11/2001

SEK OLAH Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya Kuala Lumpur, buat julung kalinya menganjurkan Majlis Graduasi 2001 di dewan sekolah tersebut baru-baru ini.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yaacob Wan Ibrahim dan dihadiri hampir 350 ibu bapa dan pelajar yang terlibat.

Menurut Pengetuanya, Datin Suwarni Hassan, majlis yang pertama kali dianjurkan itu akan dijadikan acara tahunan pada masa hadapan

Jelas beliau, objektif utama program adalah untuk menghargai pelajar setelah hampir 11 tahun bersekolah sebelum menamatkan pengajian rendah dan menengah mereka.

"Ada pelajar yang akan terus berkerja selepas tamat tingkatan lima, oleh itu diharap majlis ini menjadi kenangan manis dan sebagai penghargaan sekolah kepada mereka," katanya ketika ditemui selepas majlis tersebut di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Selain itu, menurut Suwarni, pihak sekolah juga berharap program seumpamanya akan menambahkan azam pelajar untuk terus belajar sehingga mendapatkan ijazah.

Menurutnya lagi, sekolah membelanjakan hampir RM8,000 di bawah peruntukan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) untuk menjayakan majlis tersebut.

Salah seorang pelajar sekolah tersebut, Afzal Khalid berkata, beliau merasa amat bangga atas penghargaan tersebut.

"Selalunya majlis graduasi hanya di universiti, kini tiba masanya pelajar sekolah juga dihargai atas kegigihan mereka selama ini," jelasnya.

Rakannya, Noraishah Abdullah pula merasakan program seumpama adalah satu pendedahan yang amat baik buat dirinya.

"Pengalaman ini pastinya berguna apabila saya berjaya mendapatkan ijazah pada masa hadapan," jelasnya.

Ibu kepada salah seorang pelajar, Normah Mohammad, turut memuji tindakan SMK Bukit Bandaraya menganjurkan program seumpama itu kerana pengiktirafan yang diterima telah menaikkan lagi semangat belajar anaknya.

"Anak saya begitu gembira dengan program itu dan semangat belajarnya turut sekali bertambah ekoran pengiktirafan ini," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)